

Bil. S 92

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH HAK CIPTA (PINDAAN), 2013

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pindaan bab 2 dari S 23/2001.
3. Pindaan bab 20.
4. Pemasukan bab 20A baru.
5. Pemasukan bab 25A baru.
6. Pindaan bab 31.
7. Pindaan bab 109.
8. Pindaan bab 110.
9. Pindaan bab 113.
10. Pindaan bab 114.
11. Pindaan bab 117.
12. Pindaan bab 163.
13. Pindaan bab 164.
14. Pindaan bab 165.
15. Pindaan bab 176.
16. Pindaan bab 177.
17. Pemasukan bab 203A baru.
18. Pindaan bab 204.

19. Pemasukan bab-bab 204A dan 204B baru.
 20. Pindaan bab 205.
 21. Pemasukan bab-bab 205A dan 205B baru.
 22. Pemansuhan bab 206.
 23. Pemasukan bab 207A baru.
 24. Pindaan bab 210.
 25. Pemasukan bab-bab 210A hingga 210M baru.
 26. Pindaan bab 211.
 27. Pemasukan bab 214A baru.
 28. Pemasukan bab 216 baru.
 29. Pindaan Jadual Pertama.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH HAK CIPTA (PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Hak Cipta (Pindaan), 2013.

Pindaan bab 2 dari S 23/2001.

2. Bab 2 dari Perintah Darurat (Hak Cipta), 1999, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam ceraiian (1) —

(a) dalam takrifan “Pengawal Kastam” —

- (i) dalam nota tepi, dengan memotong “Cap. 36.”;
- (ii) dengan memotong “Akta Kastam (Penggag 36)” dari baris kedua, dan menggantikannya dengan “Perintah Kastam, 2006 [S 39/2006]”;

(b) dalam takrifan “kawalan kastam” —

- (i) dalam nota tepi, dengan memotong “Cap. 36.”;
- (ii) dengan memotong “Akta Kastam (Penggag 36)” dari baris kedua, dan menggantikannya dengan “Perintah Kastam, 2006 [S 39/2006]”.

Pindaan bab 20.

3. Bab 20 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan ceraiian (2) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(2) Sebutan dalam Bahagian ini kepada pengeluaran salinan-salinan suatu karya kepada orang ramai adalah sebutan kepada —

(a) perbuatan mengedarkan di Negara Brunei Darussalam salinan-salinan yang dahulunya tidak diedarkan di Negara Brunei Darussalam oleh atau dengan persetujuan pemilik hak cipta; dan

(b) perbuatan mengedarkan di luar Negara Brunei Darussalam salinan-salinan yang dahulunya tidak diedarkan di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, kecuali bahawa, berkenaan dengan rakaman bunyi, filem dan program komputer, perbuatan mengeluarkan salinan-salinan kepada orang ramai yang disekat itu termasuk sebarang penyewaan salinan-salinan kepada orang ramai.”;

(b) dengan menambah dua cerai baru yang berikut —

“(3) Sebutan dalam Bahagian ini kepada pengeluaran salinan-salinan suatu karya kepada orang ramai tidak termasuk —

(a) sebarang pengedaran, jualan, sewaan atau pinjaman yang kemudiannya salinan-salinan yang dahulunya diedarkan;

(b) sebarang pengimportan yang kemudiannya salinan-salinan yang dahulunya diedarkan; atau

(c) sebarang penyewaan salinan-salinan kepada orang ramai,

kecuali, setakat mana cerai (2)(a) dikenakan, mengedarkan di Negara Brunei Darussalam salinan-salinan yang dahulunya diedarkan di luar Negara Brunei Darussalam.

(4) Sebutan dalam Bahagian ini kepada pengeluaran salinan-salinan suatu karya kepada orang ramai termasuk pengeluaran karya asli.”.

Pemasukan bab 20A baru.

4. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 20 bab baru yang berikut —

“Pelanggaran kerana menyewakan atau meminjamkan salinan karya kepada orang ramai.

20A. (1) Menyewakan atau meminjamkan salinan-salinan karya itu kepada orang ramai adalah suatu perbuatan yang disekat oleh hak cipta dalam —

(a) suatu karya sastera, drama atau muzik;

(b) suatu karya seni, selain dari —

(i) suatu karya seni bina dalam bentuk sebuah bangunan atau suatu model bagi sebuah bangunan; atau

(ii) suatu karya seni gunaan; atau

(c) suatu filem atau suatu rakaman bunyi.

(2) Dalam Bahagian ini, tertakluk kepada cerai-ceraian (3) hingga (6) —

“meminjamkan” bermakna membuat satu salinan karya itu yang tersedia ada untuk digunakan, atas terma-terma bahawa ia akan atau boleh dikembalikan, melainkan untuk faedah ekonomi atau komersil langsung atau tidak langsung, melalui suatu establismen yang boleh diakses oleh orang ramai;

“menyewakan” bermakna membuat satu salinan karya itu yang tersedia ada untuk digunakan, atas terma-terma bahawa ia akan atau boleh dikembalikan, untuk faedah ekonomi atau komersil langsung atau tidak langsung.

(3) Perkataan-perkataan “menyewakan” dan “meminjamkan” tidak termasuk —

(a) menyediakan bagi maksud persembahan awam, permainan, atau pertunjukan di khalayak ramai atau penyampaian kepada orang ramai;

(b) menyediakan bagi maksud pameran di khalayak ramai; atau

(c) menyediakan bagi kegunaan rujukan pada masa itu juga.

(4) Perkataan “meminjamkan” tidak termasuk menyediakan antara establismen-establismen yang boleh diakses oleh orang ramai.

(5) Jika meminjamkan oleh sesuatu establismen yang boleh diakses oleh orang ramai menimbulkan sesuatu pembayaran yang amaunnya tidak melebihi apa yang diperlukan untuk menampung kos operasi establismen itu, tidak ada faedah ekonomi atau komersil langsung atau tidak langsung bagi maksud-maksud bab ini.

(6) Sebutan-sebutan dalam Bahagian ini kepada menyewakan atau meminjamkan salinan-salinan suatu karya termasuk menyewakan atau meminjamkan karya asal.”

Pemasukan bab 25A baru.

5. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 25 bab baru yang berikut —

“Salinan sandar program komputer.

25A. (1) Tertakluk kepada ceraiian (2), hak cipta dalam suatu karya sastera dalam bentuk suatu program komputer tidak dilanggar kerana membuat pengeluaran semula karya itu atau suatu program komputer yang merupakan penyesuaian karya itu, jika —

(a) pengeluaran semula itu dibuat oleh, atau bagi pihak, pemilik salinan itu (dalam bab ini disebut sebagai salinan asal) yang darinya pengeluaran semula itu dibuat; dan

(b) pengeluaran semula itu dibuat bagi tujuan hanya untuk digunakan, oleh atau bagi pihak pemilik salinan asal, sebagai ganti salinan asal sekiranya salinan asal itu hilang, musnah atau menjadi tidak dapat digunakan lagi.

(2) Ceraiian (1) tidak dikenakan kepada membuat pengeluaran semula suatu program komputer atau penyesuaian suatu program komputer —

(a) dari salinan langgaran program komputer itu; atau

(b) yang bertentangan dengan suatu arahan nyata oleh atau bagi pihak pemilik hak cipta dalam program komputer itu yang diberikan kepada pemilik salinan asal tidak lewat dari masa apabila pemilik salinan asal itu memperoleh salinan asal itu.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini —

(a) sebutan kepada salinan suatu program komputer atau penyesuaian suatu program komputer adalah sebutan kepada apa-apa artikel yang di dalamnya program komputer atau penyesuaian itu dikeluarkan semula dalam bentuk bahan; dan

(b) sebutan kepada suatu arahan nyata, berkenaan dengan salinan suatu program komputer, atau penyesuaian suatu program komputer, termasuk sebutan kepada suatu arahan yang mudah dibaca dengan jelas yang dicetak pada salinan itu atau pada suatu bungkusan yang di dalamnya salinan itu dibekalkan.”.

Pindaan bab 31.

6. Bab 31 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian (4), dengan memotong “ceraiian (2)” di mana perkataan itu terdapat kali kedua dalam baris keempat dan menggantikannya dengan “ceraiian-ceraiian (2) dan (3)”.

Pindaan bab 109.

7. Bab 109 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan sejurus selepas ceraian (3) ceraian baru yang berikut —

“(3A) Tempoh yang dinyatakan dalam suatu notis di bawah ceraian (1) tidaklah boleh melebihi dari 5 tahun dan tidaklah boleh dilanjutkan melebihi dari tempoh hak cipta ada”;

(b) dalam ceraian (4) —

(i) dalam nota tepi, dengan memotong “Cap. 36.”;

(ii) dengan memotong “Akta Kastam (Penggaj 36)” dari baris keempat dan menggantikannya dengan “Perintah Kastam, 2006 (S 39/2006)”;

(iii) dengan memotong “bab 28 dari Akta itu” dari baris kelima dan menggantikannya dengan “bab 31(1) dari Perintah itu”;

(iv) dengan memotong “Akta” dari baris keenam dan menggantikannya dengan “Perintah”.

Pindaan bab 110.

8. Bab 110 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan “[1]” sejurus sebelum “Where” dalam baris pertama;

(b) dalam ceraian (1)(a), dengan memotong “ceraian (1) bab 109” dan menggantikannya dengan “bab 109(1) atau (3)”.

Pindaan bab 113.

9. Bab 113 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1), dengan memotong “ceraian (1) bab 109” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “bab 109(1) atau (3)”;

(b) dalam ceraian (2) —

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong “Pemungut” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “Pengawal”;

- (ii) dalam perenggan (b), dengan memotong “Pemungut” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “Pengawal”;

(c) dalam ceraian (3), dengan memotong “Pemungut” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Pengawal”.

Pindaan bab 114.

10. Bab 114 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong “ceraian (1) bab 109” dan menggantikannya dengan “bab 109(1) atau (3)”.

Pindaan bab 117.

11. Bab 117 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1)(a), dengan memotong “ceraian (1) bab 109” dan menggantikannya dengan “bab 109(1) atau (3)”.

Pindaan bab 163.

12. Bab 163 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1) —

(a) dalam perenggan (b), dengan memotong “yang telah dikenakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini yang berkaitan” dan menggantikannya dengan “yang dikenakan bab 166”;

(b) dalam perenggan (c), dengan memotong “yang telah dikenakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini yang berkaitan” dan menggantikannya dengan “yang dikenakan bab 166”.

Pindaan bab 164.

13. Bab 164 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1)(b), dengan memotong “yang telah dikenakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini yang berkaitan” dan menggantikannya dengan “yang dikenakan bab 166”.

Pindaan bab 165.

14. Bab 165 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam perenggan (b), dengan memotong “yang telah dikenakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini yang berkaitan” dan menggantikannya dengan “yang dikenakan bab 166”.

Pindaan bab 176.

15. Bab 176 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong “(6)” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “(7)”.

Pindaan bab 177.

16. Bab 177 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong perenggan (a) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(a) mana-mana institusi pendidikan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2 dari Akta Pendidikan (Penggal 210); dan”.

Pemasukan bab 203A baru.

17. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 203 bab baru yang berikut —

“Hukuman kerana melanggar bab 203(2).

203A. Mana-mana orang yang melakukan suatu perbuatan yang disebut dalam bab 203(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$250,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali, dan berkaitan dengan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$500,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.”.

Pindaan bab 204.

18. Bab 204 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1)(b), dengan memasukkan “memiliki, menyimpan atau mengawal, atau” sejurus sebelum “membawa masuk”.

(b) dengan memansuhkan cerai (5) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(5) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan terhadap cerai (1) boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000 bagi salinan langgaran suatu karya atau bagi setiap salinan langgaran suatu karya yang berkaitan dengannya kesalahan itu dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali, dan berkaitan dengan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000 bagi salinan langgaran suatu karya atau bagi setiap salinan langgaran suatu karya yang berkaitan dengannya kesalahan itu dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.”;

(c) dengan memansuhkan cerai (6) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(6) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan terhadap ceraian (2) boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000 bagi setiap salinan langgaran suatu karya yang berkaitan dengannya kesalahan itu dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali, dan berkaitan dengan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000 bagi setiap salinan langgaran suatu karya yang berkaitan dengannya kesalahan itu dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya sekali.”

Pemasukan bab-bab 204A dan 204B baru.

19. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 204 dua bab baru yang berikut —

“Anggapan di bawah bab 204(1)(b).

204A. Bagi maksud bab 204(1)(b), mana-mana orang yang ada memiliki, menyimpan atau mengawal lima atau lebih salinan langgaran suatu karya dalam bentuk yang sama hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai memiliki, menyimpan atau mengawal atau telah membawa masuk salinan-salinan itu melainkan untuk kegunaan persendirian atau domestiknya.

Anggapan di bawah bab 204(1)(e).

204B. Bagi maksud bab 204(1)(e), mana-mana orang yang ada memiliki lima atau lebih salinan langgaran suatu karya atau hal perkara lain hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai memiliki salinan-salinan itu semasa menjalankan suatu perniagaan.”

Pindaan bab 205.

20. Bab 205 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1)(b), dengan memasukkan “memiliki, menyimpan atau mengawal, atau” sejurus selepas “membawa masuk”;

(b) dengan memansuhkan ceraian (5) dan menggantikannya dengan ceraian baru yang berikut —

“(5) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan terhadap ceraian (1) boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000 bagi salinan langgaran suatu karya atau bagi setiap salinan langgaran suatu karya yang berkaitan dengannya kesalahan itu dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali, dan berkaitan dengan kesalahan kedua atau

berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000 bagi salinan langgaran suatu karya atau bagi setiap salinan langgaran suatu karya yang berkaitan dengannya kesalahan itu dilakukan, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.”;

(c) dengan memansuhkan cerai (6) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(6) Seseorang yang melakukan sebarang kesalahan lain terhadap bab ini boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$25,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.”.

Pemasukan bab-bab 205A dan 205B baru.

21. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 205 dua bab baru yang berikut —

“Anggapan di bawah bab 205(1)(b).

205A. Bagi maksud bab 205(1)(b), mana-mana orang yang ada memiliki, menyimpan atau mengawal, lima atau lebih salinan langgaran suatu karya dalam bentuk yang sama hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai memiliki, menyimpan atau mengawal atau telah membawa masuk salinan-salinan itu melainkan untuk kegunaan persendirian dan domestiknya.

Anggapan di bawah bab 205(1)(e).

205B. Bagi maksud bab 205(1)(e), mana-mana orang yang ada memiliki lima atau lebih salinan langgaran suatu karya hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai memiliki salinan-salinan itu semasa menjalankan suatu perniagaan.”.

Pemansuhan bab 206.

22. Bab 206 dari Perintah utama adalah dimansuhkan.

Pemasukan bab 207A baru.

23. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 207 bab baru yang berikut —

“Hukuman am bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan selainnya.

207A. Mana-mana orang yang melakukan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini boleh jika sabit kesalahan, jika tiada hukuman lain

diperuntukkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$25,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.”

Pindaan bab 210.

24. Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan bab 210 dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

“Waran geledah.

210. (1) Jika majistret berpuas hati atas maklumat yang diberikan oleh seseorang pegawai polis bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa —

(a) suatu kesalahan terhadap bab 204 atau 205 telah atau hampir hendak dilakukan di mana-mana tempat; dan

(b) keterangan bahawa kesalahan tersebut telah atau hampir hendak dilakukan di mana-mana tempat,

maka dia boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada seseorang pegawai polis untuk —

- (i) memasuki dan mengeledah tempat itu, dengan menggunakan kekerasan yang munasabah sebagaimana yang diperlukan;
- (ii) memindahkan dengan kekerasan apa-apa halangan untuk memasuki, mengeledah, merampas dan memindahkan yang dia diberi kuasa untuk melakukannya; dan
- (iii) menahan tiap-tiap orang yang dijumpai di tempat itu sehingga tempat itu telah digeledah.

(2) Suatu waran di bawah cerai (1) —

(a) boleh membenarkan orang-orang untuk menyertai pegawai polis yang melaksanakan waran tersebut; dan

(b) terus berkuat kuasa selama 28 hari dari tarikh ia dikeluarkan.

(3) Dalam melaksanakan suatu waran yang dikeluarkan di bawah bab ini, pegawai polis itu boleh merampas apa-apa artikel jika dia mempercayai dengan munasabah bahawa ada keterangan bahawa suatu kesalahan terhadap bab 204 atau 205 telah atau hampir hendak dilakukan.

(4) Dalam bab ini, “pegawai polis” bermakna seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau seseorang pegawai polis yang menjaga sebuah balai polis.”

Pemasukan bab-bab 210A hingga 210M baru.

25. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 210 tiga belas bab baru yang berikut —

“Memasuki tanpa waran.

210A. Jika seseorang pegawai polis berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh kerana lambat mendapatkan suatu waran geledah, apa-apa artikel, kenderaan, buku, dokumen, salinan atau alat yang digunakan untuk melakukan atau yang hendak digunakan untuk melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini mungkin dipindahkan atau dimusnahkan, dia boleh memasuki mana-mana premis tanpa suatu waran dan merampas apa-apa artikel, kenderaan, buku, dokumen, salinan atau alat itu dari dalam premis tersebut.

Menangkap tanpa waran.

210B. Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa suatu waran mana-mana orang yang, di mana-mana tempat awam —

(a) menjual, mendedahkan atau menawarkan untuk jualan; atau

(b) ada, atau disyaki dengan munasabah ada, dalam milikannya bagi tujuan untuk menjual atau menyewakan,

apa-apa salinan langgaran mana-mana karya dan boleh merampas apa-apa salinan langgaran mana-mana karya.

Menahan, memeriksa dan menaiki kenderaan.

210C. (1) Mana-mana pegawai boleh, tanpa suatu waran yang dikeluarkan di bawah bab 210(1) —

(a) menahan, memeriksa dan menaiki dengan kekerasan mana-mana kenderaan yang di dalamnya dia mengesyaki dengan munasabah bahawa terdapat apa-apa salinan langgaran mana-mana karya; dan

(b) merampas, memindahkan atau menahan apa-apa salinan langgaran itu dan apa-apa jua yang didapatinya sebagai atau mengandungi, atau mungkin sebagai atau mungkin mengandungi, keterangan mengenai suatu kesalahan terhadap Perintah ini.

(2) Dalam bab ini, “pegawai” bermakna —

(a) seseorang pegawai polis;

(b) seseorang pegawai kastam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perintah Kastam, 2006 (S 39/2006); atau

(c) mana-mana pegawai atau golongan atau perihalan pegawai yang dilantik oleh Menteri, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, untuk menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diberikan dan dikenakan kepada seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh bab ini.

Akses kepada data berkomputer atau berdigital.

210D. (1) Mana-mana pegawai polis hendaklah, pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah bab 210A, jika perlu, diberikan akses kepada data berkomputer atau berdigital sama ada disimpan dalam suatu komputer atau mana-mana medium lain.

(2) Bagi maksud bab ini, “akses” termasuk disediakan dengan kata laluan yang diperlukan, kod enkripsi, kod dekripsi, perisian atau perkakasan dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer difahami.

Senarai barang yang dirampas.

210E. Pegawai polis yang merampas apa-apa salinan langgaran suatu karya di bawah Bahagian ini hendaklah menyediakan satu senarai barang yang dirampas dan dengan serta-merta menyerahkan satu salinannya yang ditandatangani olehnya kepada penghuni, atau ejennya atau pekerjaanya yang berada di premis itu.

Mengelak barang.

210F. Jika didapati oleh pegawai itu bahawa tidak praktikal untuk memindahkan dari tempat ia dijumpai, apa-apa barang atau dokumen yang dirampas olehnya pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, dia boleh dengan apa-apa cara mengelak barang atau dokumen itu di dalam premis atau kontena tempat ia dijumpai dan adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang tanpa kebenaran yang sah untuk memecahkan, mengusik atau merosakkan lak itu atau memindahkan barang atau dokumen itu atau cuba berbuat demikian.

Menghalang.

210G. Mana-mana orang yang —

(a) enggan membenarkan mana-mana pegawai akses kepada mana-mana vesel, pesawat udara, kenderaan atau tempat yang pegawai itu berhak di bawah Bahagian ini; atau

(b) menghalang atau mengadang mana-mana pegawai dalam melaksanakan apa-apa kuasa yang diberikan kepada pegawai itu oleh Bahagian ini;

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$15,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Keterangan *ejen perangkap* boleh diterima.

210H. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, tiada *ejen perangkap* boleh dianggap sebagai tidak boleh dipercayai hanya kerana dia cuba bersubahat atau menyubahati suatu kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Perintah ini, jika percubaan untuk bersubahat atau persubahatan itu adalah bagi tujuan semata-mata untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, apa-apa pernyataan, sama ada lisan atau secara bertulis yang dibuat kepada *ejen perangkap* oleh mana-mana orang yang kemudiannya dituduh melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

Pemberian maklumat.

210I. (1) Mana-mana orang yang —

(a) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa seorang pegawai sedang bertindak, atau bercadang hendak bertindak, berhubung dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau hampir hendak, dijalankan di bawah atau bagi maksud-maksud Perintah ini dan mendedahkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau

(b) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa suatu pendedahan telah dibuat kepada pegawai itu di bawah Perintah ini dan mendedahkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjejaskan mana-mana penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan pendedahan itu,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam cerai (1) menjadi suatu kesalahan jika seorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjaanya mendedahkan apa-apa maklumat atau perkara lain —

(a) kepada kliennya atau wakil kliennya berhubung dengan pemberian nasihat kepada klien itu dalam menjalankan dan bagi maksud penggunaan khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau

(b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berhubung dengan dan bagi maksud, mana-mana prosiding undang-undang.

Perlindungan pemberi maklumat.

210J. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selepas ini, tiada aduan tentang sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah, dan tiada saksi boleh diwajibkan atau dibenarkan untuk mendedahkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat, atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada penzahirannya.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang dijadikan sebagai keterangan atau boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang di dalamnya mana-mana pemberi maklumat ada dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada penzahirannya, mahkamah yang di hadapannya prosiding itu dijalankan hendaklah menyebabkan semua catatan itu disembunyikan dari pandangan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada dizahirkan sahaja.

(3) Jika dalam mana-mana prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini, mahkamah, selepas menjalankan siasatan penuh mengenai kes itu —

(a) berpendapat bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang diketahui atau dipercayainya sebagai palsu atau dia tidak mempercayainya sebagai benar; atau

(b) berpendapat bahawa keadilan tidak dapat ditegakkan sepenuhnya di antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa penzahiran pemberi maklumat itu,

maka mahkamah boleh menghendaki supaya aduan asal itu dikemukakan, jika secara bertulis, dan membenarkan siasatan dijalankan dan menghendaki penzahiran penuh berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

Perlucutan hak.

210K. (1) Apa-apa salinan langgaran suatu karya yang dirampas menurut Perintah ini, hendaklah dianggap sebagai dilucut hak pada tamatnya tempoh satu bulan kalendar dari tarikh rampasan, melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam bab ini.

(2) Mana-mana orang yang menyatakan bahawa dia adalah pemilik apa-apa salinan langgaran suatu karya yang dirampas dan bahawa salinan langgaran itu tidak boleh dilucut hak boleh sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis memberi notis bertulis kepada Pesuruhjaya Polis mengenai tuntutananya.

(3) Selepas menerima notis tersebut, Pesuruhjaya Polis boleh, tertakluk kepada apa-apa arahan Pendakwa Raya —

(a) mengarahkan supaya salinan langgaran suatu karya itu dilepaskan atau dilucut hak; atau

(b) merujukkan perkara itu kepada mahkamah untuk diputuskan.

(4) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujukkan hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menyatakan bahawa dia adalah pemilik salinan langgaran suatu karya itu dan orang yang daripadanya salinan langgaran itu dirampas untuk hadir di hadapannya dan selepas dia hadir atau gagal hadir, jika penyampaian sewajarnya saman itu dibuktikan, mahkamah hendaklah terus memeriksa perkara itu dan jika berpuas hati atas imbalan kebarangkalian bahawa suatu kesalahan telah dilakukan dan bahawa salinan langgaran suatu karya itu menjadi hal perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan itu, hendaklah memerintahkan supaya salinan langgaran itu dilucut hak, atau jika tidak berpuas hati, memerintahkan supaya salinan langgaran suatu karya itu dilepaskan kepada orang yang berhak terhadapnya.

(5) Apa-apa salinan langgaran suatu karya yang dilucut hak atau dianggap sebagai dilucut hak hendaklah diserahkan kepada Pesuruhjaya Polis yang akan melupuskannya mengikut cara yang difikirkannya patut atau boleh menyerahkannya kepada pemilik pertama hak cipta yang berkenaan itu, pemegang serah hak atau pemegang lesen eksklusifnya, mengikut mana yang berkenaan.

Pemeriksaan setimpal artikel yang dirampas adalah diterima.

210L. (1) Jika bungkusan atau bekas yang mengandungi salinan yang disyaki sebagai salinan langgaran atau pun selainnya salinan yang boleh dirampas telah dirampas, adalah memadai untuk membuka dan memeriksa satu

peratus atau mana-mana lima salinan sahaja, mengikut mana yang kurang, dari kandungan setiap bungkusan atau bekas yang dirampas itu.

(2) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa salinan-salinan selebihnya yang terkandung dalam bungkusan atau bekas itu, adalah dari jenis yang sama dengan salinan-salinan yang diperiksa itu.

Tuntutan kepada hak cipta.

210M. (1) Suatu affidavit atau pengakuan berkanun yang dibuat di hadapan mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk mentadbirkan suatu sumpah di bawah bab 380 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggali 7), oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang mengaku sebagai —

(a) pemilik hak cipta dalam mana-mana karya yang layak mendapat hak cipta di bawah Perintah ini dengan menyatakan bahawa —

- (i) pada masa yang dinyatakan di dalamnya hak cipta ada dalam karya itu;
- (ii) dia atau orang yang dinamakan di dalamnya adalah pemilik hak cipta itu; dan
- (iii) satu salinan karya yang dilampirkan kepadanya adalah salinan sebenar karya itu; atau

(b) orang yang membuat persembahan dalam suatu persembahan langsung yang layak mendapat hak cipta yang betul di bawah Perintah ini dengan menyatakan bahawa —

- (i) pada masa yang dinyatakan di dalamnya haknya terhadap hak cipta ada dalam persembahan langsung itu;
- (ii) dia atau orang yang dinamakan di dalamnya adalah orang yang membuat persembahan itu; dan
- (iii) satu salinan dokumen yang dilampirkan kepadanya adalah dokumen yang membuktikan bahawa dia atau orang yang dinamakan di dalamnya itu membuat persembahan dalam persembahan langsung itu,

boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Perintah ini dan adalah keterangan *prima facie* mengenai fakta-fakta yang terkandung di dalamnya.

(2) Mana-mana orang yang dibenarkan untuk bertindak bagi pihak pemilik hak cipta atau orang yang membuat persembahan bagi maksud-maksud cerai (1) adalah dikehendaki untuk mengemukakan kebenaran tersebut secara bertulis.”

Pindaan bab 211.

26. Bab 211 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (3) —

(a) dalam nota tepi, dengan memotong “S 25/91.”;

(b) dengan memotong “Perintah Darurat (Had Masa) (S 25/91), 1991 dan menggantikannya dengan “Akta Had Masa (Penggali 14)”.

Pemasukan bab 214A baru.

27. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 214 bab baru yang berikut —

“*Fiat* Pendakwa Raya.

214A. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa peruntukan dalam Kanun Peraturan Jenayah (Penggali 7), Pendakwa Raya boleh dengan *fiat*, dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, membenarkan mana-mana orang untuk mendakwa, bagi pihak orang itu sendiri, apa-apa kesalahan tertentu yang boleh dihukum di bawah Perintah ini, atau untuk menjalankan apa-apa prosiding lanjut dalam pendakwaan itu.

(2) Orang yang kepadanya *fiat* itu diberikan di bawah cerai (1) boleh sama ada hadir sendiri atau melalui seorang peguam bela.”

Pemasukan bab 216 baru.

28. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 215 bab baru yang berikut —

“Bidang kuasa Mahkamah Majistret.

216. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah bab-bab 203(2), 204 dan 205 dan untuk mengaward hukuman penuh bagi mana-mana kesalahan tersebut.”

Pindaan Jadual Pertama.

29. Jadual Pertama kepada Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam perenggan 13(3)(a), dengan memotong “12” dan menggantikannya dengan “11”;

(b) dalam perenggan 13(3)(b), dengan memotong “12” dan menggantikannya dengan “11”;

(c) dengan menomborkan semula “paragraph 13”, di mana ia terdapat sejurus selepas paragraph 14, sebagai “paragraph 15”.

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 4 haribulan Disember, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM